

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

18. Pelan Induk Landskap yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya  
Pulau Pinang.

(a) Adakah satu kajian yang komprehensif dijalankan bagi mengenalpasti jenis/baka pokok-pokok yang dapat mengurangkan permasalahan pemanasan global?

(b) Adakah pokok-pokok sediaada diselenggara dengan baik? Nyatakan kaedah penyelenggaraan dan inventori pokok berkenaan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

18.

18.(a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan satu kajian komprehensif bagi menentukan pemilihan spesies pokok yang bersesuaian dengan lokasi, keadaan cuaca, tanah dan persekitaran semasa penyediaan Pelan Induk Landskap untuk kawasan di bawah pentadbiran MBPP. Kajian ini telah mengambil kira input-input daripada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Landskap Negara, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Negeri. Selain itu, ahli profesional

seperti ahli Hortikulturis, ahli Arboris, ahli Botani, Arkitek Landskap, Pegawai Pertanian dan Pegawai Perancang Bandar MBPP turut dijemput memberi pandangan. Pemilihan pokok turut mengambil kira spesies yang mudah diselenggara, mempunyai kadar hidup yang tinggi serta daya tahan terhadap perubahan cuaca yang tidak menentu.

Pada tahun 2016, MBPP juga telah mewujudkan Garis Panduan Penyediaan Rezab Landskap Jalan 50 kaki bagi tujuan penanaman pokok teduhan di bahu jalan awam untuk Permohonan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Parit dan Jalan. Tujuan penyediaan rezab landskap adalah untuk menyediakan ruangan khas bagi tujuan penanaman pokok teduhan di bahu jalan awam disamping memberikan keselesaan kepada pejalan kaki dan OKU supaya bebas daripada halangan dan menepati reka bentuk sejagat (*Universal Design*).

2. Pokok-pokok sedia ada diselenggara mengikut teknik dan amalan arborikultur. Kaedah-kaedah penyelenggaraan yang dilaksanakan untuk melindungi pokok-pokok adalah dengan membuat kajian inventori pokok, pengumpulan data penilaian risiko pokok dan penilaian ekonomi pokok. MBPP juga akan mengambil langkah mitigasi untuk menyelenggara pokok-pokok tersebut dan melaksanakan pemeliharaan pokok-pokok di bagi tujuan pemeliharaan pokok